

Perdana Menteri tunai hajat remaja hidap kanser tulang

Nurshazrina terkejut, teruja pertemuan jadi kenyataan

Oleh Samadi Ahmad
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Impian seorang remaja yang menderita kanser tulang tahap empat bertemu Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, menjadi kenyataan apabila pemimpin nombor satu negara itu mengunjungi kediaman keluarganya di Pangsapuri Megah Villa di sini.

Nurshazrina Suryanto, 15, tidak menyangka impiannya itu yang diluahkan kepada beberapa pihak sebelum ini, akhirnya sampai kepada Perdana Menteri.

"Saya menyuarakan impian bertemu Perdana Menteri kepada bapa dan pihak lain tanpa menyangka permintaan itu ditunaikan.

"Terima kasih Perdana Menteri kerana sudi datang menziarahi saya dan sedikit sebanyak

dapat mengubati kesakitan yang dialami ketika ini.

"Insyallah, saya akan ingat pesanan beliau untuk terus bersabar dengan ujian Allah SWT dan terus kuat menghadapi dugaan untuk masa depan," katanya ketika dihubungi.

Semalam, Perdana Menteri menziarahi Nurshazrina di kediaman keluarga remaja itu selepas pertemuan mereka diaturkan Ketua UMNO Bahagian Sepang, Noorazli Said.

Sementara itu, Ismail dalam Facebooknya berkata, ujian yang dihadapi oleh Nurshazrina menunjukkan tanda Allah SWT sayang kepadanya.

"Hari ini (semalam) saya dijumpai dengan adik Nurshazrina di kediamannya di Kota Warisan, Sepang.

"Nurshazrina adalah penghidap kanser dan pernah memberitahu bapanya mengenai impian untuk bertemu dengan saya.

"Bapanya menyampaikan hasrat itu kepada Setiausaha Politik saya. Alhamdulillah, saya dapat merealisasikan impian beliau dengan membuat lawatan mengejut ke kediamannya.

"Nurshazrina terkejut dan te-

ruja melihat kehadiran saya. Sebelum pulang, dia bersungguh-sungguh untuk bangun dan berjalan bersama saya,

"Saya bimbang mengenai keadaannya, namun dia tetap mahu menghantar saya ke kereta. Begitu kuat semangat adik Nurshazrina.

"Semoga Allah SWT memberikan kesembuhan kepada adik Nurshazrina supaya dia dapat mencapai cita-citanya," katanya.

Nurshazrina, anak kelima daripada lima beradik disahkan menghidap kanser tulang tahap empat sejak Oktober tahun lalu.

Pelajar Tingkatan Tiga Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Sepang, Bandar Baru Salak Tinggi itu sudah pun menjalani pembedahan di Pusat Perubatan Universiti Malaya (UMMC).

Bapanya, Suryanto Suraidi, 46, kini tidak bekerja untuk menjaga anaknya sepenuh masa, termasuk membawa Nurshazrina mendapatkan rawatan di hospital yang ditanggung sepenuhnya oleh Lembaga Zakat Selangor, di samping bantuan lain.